

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
26 SEPTEMBER 2014**

**1. OPERASI WARAN TAHANAN BAGI TUNGGAKAN CUKAI
TAKSIRAN**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa bermula 10 Oktober 2014, MPSP akan melaksanakan operasi serahan waran tahanan ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis berkenaan diminta supaya menjelaskan tunggakan cukai tersebut bagi mengelakkan harta mereka daripada disita dan seterusnya akan dilelong bagi tujuan menyelesaikan tunggakan tersebut.

Pemilik premis boleh hadir ke pejabat MPSP Bandar Perda atau menghubungi terus pegawai di talian 04-5497470 / 471 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau masalah berhubung tunggakan premis masing-masing.

2. KEJOHANAN BOLING SEMPENA SAMBUTAN HARI JADI TYT NEGERI PULAU PINANG 2014

Majlis akan menganjurkan Kejohanan Boling Sempena Sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 28 September 2014 (Ahad), jam 2.00 petang di Megalanes, Megamal Pacific. Tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta di dalam kejohanan ini.

3. PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Yang Ke-76.

Seramai 25 orang daripada MPSP telah mendapat pingat semasa Majlis Pengurniaan Pingat Sempena Hari Jadi Yang Di-Pertua

Negeri Pulau Pinang iaitu Yang Dipertua MPSP telah dikurniakan Pingat Darjah Setia Pangkuhan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato'. Seorang Ahli Majlis telah menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) iaitu En Ahmad Kaswan Bin Kassim. Manakala selebihnya berjumlah 23 orang adalah kakitangan MPSP dimana seorang menerima anugerah Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), enam orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan empat belas orang menerima Pingat Jasa Masyarakat.

(Senarai seperti dilampiran.)

4. PENGANUGERAHAN "BEST PLANNER OF THE YEAR 2014" OLEH MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS (MIP)

Pada 12 September 2014 (Jumaat), Dato' Maimunah Mohd Sharif telah dianugerahkan "*Best Planner Of The Year 2014*" oleh *Malaysian Institute Of Planners (MIP)*. Anugerah ini merupakan anugerah yang pertama diberikan oleh MIP kepada perancang bandar bagi mengiktiraf kepimpinan dan kecemerlangan seorang perancang bandar. Dato' Maimunah Mohd Sharif adalah antara yang terpilih daripada kalangan 2000 orang perancang bandar dan ini merupakan satu anugerah yang harus dibanggakan. Anugerah ini disampaikan oleh Mantan Perdana Menteri, YABhg Tun

Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi. Kriteria- kriteria pemberian anugerah ini adalah seperti berikut:

- Mengiktiraf perancang bandar yang telah menunjukkan kepimpinan berwawasan dan mempromosikan pembangunan mampan.
- Kepimpinan yang jelas dan fokus, kualiti kerja yang bermutu tinggi, berinovasi, kreatif dan pencapaian yang amat cemerlang.
- Membawa profesion perancang bandar ke tahap global.
- Perancang Bandar yang diiktiraf di peringkat global.
- Berusaha keras dan gigih menyahut cabaran dan kehendak persekitaran perancangan global.
- Mempunyai kemahiran dan teknik pembuatan keputusan yang cemerlang dalam perancangan.

5. PEGAWAI BARU BERJAWATAN KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik seorang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan kontrak pada 2 September 2014 didalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis.

Pegawai tersebut, adalah Encik Mohd. Naim bin Mohd Ali, Pegawai Tadbir N41 yang ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

6. MPSP MENGAMALKAN BUDAYA MELETAK KENDERAAN SECARA MENGUNDUR “REVERSE PARKING”

MPSP sedang dalam tindakan untuk mendapatkan persijilan QE/5S. Sehubungan itu, budaya meletak kenderaan secara mengundur "REVERSE PARKING" telah diamalkan bermula pada 16 September 2014. Semua warga kerja MPSP DIWAJIBKAN meletak kenderaan secara mengundur " REVERSE PARKING" di tempat parkir Ibu Pejabat MPSP Bandar PERDA. Pada masa yang sama, orang ramai/pengunjung yang datang ke Ibu Pejabat MPSP Bandar PERDA juga diminta mengamalkan budaya " REVERSE PARKING" ini.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 5 Oktober 2014 (Ahad). Justeru, 6 Oktober 2014 (Isnin) diisyiharkan sebagai cuti Kelepasan Am.

8. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu yang bakal meraikannya pada 22 Oktober 2014 (Rabu) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

9. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 12 Oktober 2014 (Ahad). Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 19 Oktober 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 Oktober 2014 (Ahad). Sehubungan

dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS DAN KAKITANGAN YANG MENERIMA KURNIAAN
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2014

| Bil | Nama Kakitangan | Jawatan | Jabatan | Kurniaan |
|-----|-----------------------------------|--|-----------------------------------|---|
| 1 | Dato' Maimunah Mohd Sharif | Yang Dipertua (VU7) | Pejabat YDP | D.S.P.N. (Kurniaan ini digelar Dato') |
| 2 | Ahmad Kaswan bin Kassim | Ahli Majlis | - | P.J.K. |
| 3 | Wan Junaidy bin Yahaya | Pengarah Kemasyarakatan (N48) | Kemasyarakatan | P.K.T. |
| 4 | Mohd Hairil bin Man | Pegawai Tadbir (N41) | Khidmat Pengurusan | P.J.K. |
| 5 | Latifah binti Razali | Pegawai Tadbir (N41) | Khidmat Pengurusan | P.J.K. |
| 6 | Goh Teng Huat | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (U32) | Pelesenan | P.J.K. |
| 7 | Muhammad Zaki bin Kariah | Penolong Pegawai Penilaian (W32) | Penilaian dan Pengurusan Harta | P.J.K. |
| 8 | Nazirah binti Darus | Penolong Akauntan (W27) | Perpendaharaan | P.J.K. |
| 9 | Norfazilah binti Zainon | Penolong Akauntan (W27) | Perpendaharaan | P.J.K. |
| 10 | Mohd Radzi bin Awang | Penolong Pegawai Penilaian (W27) | Pesuruhjaya Bangunan | P.J.K. |
| 11 | Wong Phooi Kew | Pembantu Tadbir (N22) | Direktorat Penguatkuasaan | P.J.K. |
| 12 | Mohd Harfizy bin Mohd Nor | Pembantu Penguatkuasa (N17) | Direktorat Penguatkuasaan | P.J.M. |
| 13 | Khairul Hafizon bin Mohd Noor | Pembantu Penguatkuasa (N17) | Direktorat Penguatkuasaan | P.J.M. |
| 14 | Dzulkifli bin Sapar | Pembantu Penguatkuasa (N17) | Direktorat Penguatkuasaan | P.J.M. |
| 15 | Muniandy A/L Kattan | Pembantu Awam (H11) | Perkhidmatan Perbandaran | P.J.M. |
| 16 | Zuridah binti Ibrahim | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 17 | Amir bin Ahmad | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 18 | Amizan bin Mansor | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 19 | Mohamad Shahreman bin Che'Pa | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 20 | Sukri bin Ismail | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 21 | Mohd Saliwen bin Mat Jab | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 22 | Mohd Sukor bin Hassan | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 23 | Muhammad Sufian bin Abu Hassan | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 24 | Noor Latif bin Wan | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |
| 25 | Ruhaizad bin Ahmad | Pembantu Awam (H11) | Khidmat Pengurusan | P.J.M. |